

20/12/2003

Khidmat bas mini berimej baru boleh diperkenalkan

Mohd Zamri Muda

PENGGABUNGAN syarikat pengangkutan rel dan bas di bawah pengurusan satu syarikat tunggal memulakan satu era baru pengangkutan awam di bandar raya Kuala Lumpur.

Pemimpin dan datuk bandar mahu melihat tiba harinya apabila penduduk bandar begitu ghairah untuk menggunakan pengangkutan awam seperti di kota raya Tokyo, London, Paris, New York dan Amsterdam.

Kemungkinan besar integrasi hanya berjaya setakat memudahkan perjalanan dari segi keseragaman tiket dan kesinambungan setiap stesen pengangkutan.

Besar kemungkinan masyarakat masih kurang menggunakan sistem pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas tetap akan menghantui KL.

Ada kalangan menyifatkan infrastruktur di Malaysia bertaraf dunia maju tetapi penduduknya masih bermentaliti dunia ketiga. Bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamad bekerja keras sebelum ini untuk menyediakan tapak kukuh untuk negara kita menjadi negara maju tetapi majoriti pemikiran masyarakat kita masih pada takuk lama.

Kenyataan itu banyak kebenarannya tetapi tidakkah kita terfikir bahawa adakah penduduk negara kita berpendapatan setaraf dengan mereka di negara maju.

Untuk siapakah pengangkutan rel aliran ringan disediakan, apakah untuk pekerja bawahan, suri rumah dan pelajar sekolah daripada keluarga kelas menengah dan bawah?

Mereka lebih senang menggunakan motosikal dan bas. Manakala pekerja atau keluarga berpendapatan mewah beranggapan lebih baik menggunakan kereta sendiri, belanja membeli minyak lebih rendah dari harga tiket jika dikira pada hitung panjang. Maka mereka lebih rela berada dalam kesesakan jalan raya.

Bagi menangani sikap ini, sesuatu harus dilakukan untuk melahirkan pemikiran baru iaitu adalah lebih baik menggunakan pengangkutan awam, lebih menjimatkan berbanding dengan wang dikeluarkan bagi membeli minyak kenderaan sendiri atau tambang kereta sewa.

Maka kajian terperinci harus dijalankan untuk menentukan harga tiket pengangkutan rel yang amat berpatutan bagi orang kebanyakan. Saya percaya harga tiket yang rendah adalah kunci utama untuk menarik orang ramai menggunakan pengangkutan awam di KL.

Pengenalan tiket pengangkutan yang murah atau pada kadar potongan istimewa atau pada kadar lebih rendah bagi pembelian secara bulanan adalah langkah lebih baik berbanding kerajaan mengeluarkan sejumlah besar wang bagi membina lebuh raya baru dalam bandar dan menambah bilangan laluan baru di jalan sedia ada.

Di samping itu, sistem pengangkutan bas mini yang berimej baru harus diperkenalkan semula. Sememangnya bas mini amat diperlukan sebagai pelengkap kepada pengangkutan rel.

Idea pengenalan bas mini sebenarnya amat baik tetapi di akhir operasi, imejnya tercemar teruk akibat masalah disiplin pekerja dan sikap yang memalukan.

Bas mini masih lagi relevan dengan masa kini jika pemandu dan konduktornya amat berdisiplin dan reka bentuk basnya ultramoden dan berenjin senyap. Kita mempunyai ramai bekas anggota keselamatan yang bersara dengan disiplin kerjanya boleh dipercayai. Tarikan kepada perkhidmatan bas mini boleh ditambah lagi dengan penggunaan tiket separuh harga bagi jarak sangat dekat atau separuh perjalanan.

Kita mempunyai Syarikat Inokom yang mungkin mampu mereka bentuk bas mini bentuk baru dengan pilihan berenjin gas asli, biodiesel atau elektrik yang lebih mesra alam dan berenjin senyap.

Pengguna kereta boleh `diseksa' dengan cara ditambahkan lagi laluan

sehala di mana ia disesuaikan dengan keperluan laluan bas saja.

Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam. Jika di kota raya besar, kebanyakan pekerja tinggal di sekitar 100 kilometer daripada pusat bandar raya mereka lebih selesa menggunakan kereta api elektrik daripada menggunakan kereta sendiri.

Tetapi perkara ini tidak berlaku di negara kita. Kenapa dan mengapa ia terjadi sedemikian bersamalah kita fikirkan bersama.

MOHD ZAMRI MUDA,
Marang, Terengganu